



Insurans Islam  
**Family Takaful** Sdn Bhd

Company Registration No.: RC00008253

**SIJIL PELAN TAKAFUL  
SISWA**

## SIJIL PELAN TAKAFUL SISWA

**BAHAWASANYA** pencadang sebagai pemegang Sijil (kemudian daripada ini dipanggil “**Pemegang Amanah**”) yang namanya tercatat dalam Jadual yang disertakan (kemudian daripada ini dipanggil “**Jadual**”) melalui Cadangan dan Akuan bertulis telah memohon untuk menyertai Perniagaan Takaful Keluarga yang diuruskan oleh **Insurans Islam Family Takaful Sdn. Bhd.** (Kemudian daripada ini dipanggil “**Syarikat**”) bagi pihak Peserta yang disebutkan dalam Jadual mengikut syarat-syarat dan peraturan yang dinyatakan kemudian daripada ini dan dengan ini telah bersetuju bahawa Cadangan dan Akuan yang dinyatakan akan menjadi asas kepada Sijil ini.

**MAKA SIJIL INI MENYAKSIKAN** bahawa jika ansuran caruman Takaful yang ditunjukkan dalam Jadual telah dibayar kepada Syarikat, akan dengan bukti-bukti yang memuaskan di atas.

- i. Berlakunya kejadian di mana manfaat takaful akan kena dibayar
- ii. Hak seseorang atau orang yang menuntut pembayaran, dan
- iii. Tarikh lahir Peserta, dan Pemegang Amanah

membayar sejumlah wang manfaat Takaful beserta apa-apa keuntungan yang harus dibayar.

## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN-PERATURAN

### 1. TAKRIF

Sijil, Jadual dan apa-apa endorsmen kepada Sijil ini atau Jadual ini hendaklah dibaca bersekali, dan mana-mana perkataan atau perbincangan di mana makna yang khas telah diberikan di mana-mana bahagian Sijil ini atau Jadual ini adalah mempunyai makna yang sama di mana-mana ia terdapat.

### 2. BAYARAN ANSURAN CARUMAN TAKAFUL

Ansuran caruman Takaful yang kena dibayar di bawah Sijil ini akan dibahagikan dan dikreditkan ke dalam akaun-akaun seperti berikut mengikut bahagian yang dinyatakan dalam Jadual:

- i. Akaun Peserta (Kemudian daripada ini dipanggil “**AP**”);
- ii. Akaun Khas Peserta (kemudian daripada ini dipanggil “**AKP**”);
- iii. Akaun Takaful Keluarga Berkelompok (kemudian daripada ini dipanggil “**ATKB**”)

Peserta adalah bersetuju menyumbangkan bahagian ansuran takaful seperti dalam (ii) dan (iii) di atas dan keuntungan sebagai “**tabarru**” untuk tujuan perpaduan, persaudaraan dan kerjasama di antara peserta-peserta tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang dinyatakan dalam Sijil ini. Sekiranya amaun ansuran yang dibayar dan Peserta adalah melebihi daripada amaun yang ditunjukkan dalam Jadual, baki setelah ditolak bahagian untuk 2 (ii) dan (iii) di atas akan dikreditkan ke dalam **AP** seperti dalam 2(i).

### 3. PELABURAN CARUMAN TAKAFUL DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

Syarikat akan melaburkan caruman Takaful yang dibayar oleh Peserta mengikut hukum-hukum Syariah. Apa-apa keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan dari AP dan AKP dalam 2 (i) dan (ii) di atas akan dibahagikan mengikut prinsip **Al Mudharabah** berdasarkan nisbah berikut:

- i. 70% akan dikreditkan ke dalam **AP** dan **AKP** mengikut nisbah jumlah wang dalam akaun-akaun tersebut; dan
- ii. 30% akan dibayar kepada Syarikat.

Lebih bersih, jika ada, dari kendalian **ATKB** akan dikongsi dalam nisbah **40%** kepada Peserta dan **60%** kepada Syarikat.

### 4. TEMPOH MENJELASKAN BAYARAN

Tempoh yang dibenarkan bagi menjelaskan bayaran ansuran caruman Takaful adalah tidak melebihi tiga puluh (30) hari. Sekiranya Peserta dan/atau Pemegang Amanah meninggal dunia dalam tempoh ini, maka ansuran Takaful yang belum dibayar akan dipotong daripada manfaat Takaful.

### 5. KUATKUASA SEMULA

Sekiranya Sijil ini luput disebabkan tiada bayaran ansuran Takaful, ianya boleh dikuatkuasa semula dengan persetujuan dari Syarikat. Penguatkuasa semula tersebut hanya melindungi kejadian yang berlaku selepas daripadanya.

### 6. SALAH NYATA UMUR

Jika umur di dalam Borang Cadangan dan Akuan adalah salah, manfaat Takaful yang kena bayar akan diselaraskan mengikut umur yang sebenar.

Jika pada umur sebenar Pemegang Amanah dan/ atau Peserta adalah tidak layak untuk menyertai Takaful ini, maka tiada manfaat yang akan dibayar.

### 7. PEMEGANG AMANAH PENGGANTI

Sekiranya Pemegang Amanah meninggal dunia, Wasi (pentadbir) yang disebut dalam Jadual akan secara automatik menjadi Pemegang Amanah kepada Sijil ini (selepas daripada ini dipanggil “**Pemegang Amanah Pengganti**”), Sijil ini tidak melindungi Pemegang Amanah Pengganti. Hak Pemegang Amanah Pengganti dalam sijil ini adalah dihadkan kepada mentadbir Sijil ini semasa Peserta masih kanak-kanak dan melepaskan -

tanggungjawab Syarikat bila berlaku tuntutan.

#### 8. PENAMATAN SIJIL

Sijil ini dengan sendirinya tamat apabila Peserta meninggal dunia.

#### 9. PENYERAHAN SIJIL

Sebelum Sijil matang, Peserta dibenarkan untuk membuat serahan. Apabila membuat serahan sijil, Peserta bersetuju melepaskan semua baki dalam **AKP** dan **ATKB** seperti yang dirujuk dalam 2 (ii) dan (iii) di atas. Manfaat dari **AP** seperti dalam 2 (i) di atas akan dibayar kepada Pemegang Amanah/Peserta.

#### 10. BAYARAN KETIKA MATANG

Apabila Sijil ini matang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, Syarikat akan membayar kepada Peserta lebih aktuari jika ada daripada **AKP** seperti yang dinyatakan dalam penilaian terakhir oleh Syarikat.

#### 11. PINDAAN

Tiada sebarang pindaan terhadap Sijil ini akan dikira sah kecuali dibuktikan melalui **endorsmen** yang di tandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Syarikat.

#### 12. NOTIS DAN BUKTI TUNTUTAN

Notis tuntutan secara bertulis hendaklah diberikan kepada Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kejadian. Kegagalan mengemukakan notis dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan yang dibuat, jika dapat dibuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk mengemukakan notis tersebut dalam tempoh yang ditetapkan dan notis yang dikemukakan adalah dalam tempoh yang munasabah.

Bukti tuntutan sepertimana yang diminta oleh Syarikat hendaklah dikemukakan dalam tempoh setahun dari tarikh kejadian.

#### 13. TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Tiada tindakan undang-undang atau guaman boleh dikenakan bagi mendapatkan pampasan di bawah Sijil ini sebelum tamat tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh bukti tuntutan dikemukakan mengikut kehendak-kehendak Sijil ini. Begitu juga tiada tindakan boleh dikenakan sama sekali melainkan dibuat dalam tempoh (2) tahun selepas tamatnya tempoh mengemukakan bukti tuntutan yang dikehendaki oleh Sijil ini.

#### 14. UNDANG-UNDANG BERKAITAN

Sijil ini dan semua hak, tanggungjawab dan tanggungan yang timbul adalah ditentukan mengikut undang-undang Brunei Darussalam.

## KEJADIAN DIMANA MANFAAT TAKAFUL KENA BAYAR

### 1. PESERTA MENCAPAI UMUR 18 ATAU 21 TAHUN

#### BAYARAN MANFAAT

Sekiranya Peserta telah mencapai umur 18 atau 21 tahun, Syarikat akan membayar manfaat Takaful sekaligus, iaitu dari amaun yang terkumpul di dalam **AP**.

### 2. KEMATIAN

#### BAYARAN MANFAAT TAKAFUL

i. Sekiranya Peserta meninggal dunia, Syarikat akan membayar kepada Pemegang Amanah manfaat takaful seperti berikut:-

- a) Baki dari **AP** seperti yang dirujuk dalam klausa 2 (i); dan
- b) Perbelanjaan pengkebumian sebanyak B\$1,000.00 (Ringgit: Satu Ribu sahaja) daripada **AKP**.

ii. Sekiranya Pemegang Amanah meninggal dunia, Syarikat akan membayar kepada Peserta manfaat takaful seperti berikut:-

- a) Ansurans caruman takaful bulanan bagi tempoh dari tarikh kematian Pemegang Amanah sehingga tarikh akhir ansuran Takaful seperti yang ditunjukkan dalam Jadual.

Manfaat ini akan dibayar dari **AKP** dan dikreditkan ke dalam **AP** Peserta, Syarikat berhak untuk menukarkan manfaat bulanan dengan membuat bayaran secara tahunan atau sekaligus.

- b) Perbelanjaan pengkebumian sebanyak B\$1,000.00 (Ringgit: Satu Ribu sahaja) dari **AKP**. Manfaat ini akan dibayar kepada Pemegang Amanah Pengganti.

## KEKECUALIAN

Syarikat adalah tidak bertanggungjawab di bawah Sijil ini bagi kematian yang disebabkan oleh bunuh diri, Sindrom Kurang Daya Tahanan Penyakit (AIDS) atau lain-lain sebab yang dilarang oleh Syariah.

### 3. KEILATAN KEKAL SEPENUHNYA

#### BAYARAN MANFAAT TAKAFUL

- i. Sekiranya Peserta mengalami Keilatan Kekal Sepenuhnya seperti yang kemudian daripada ini ditakrifkan, Syarikat akan membayar manfaat Takaful sebanyak B\$1,000.00 (Ringgit: Satu Ribu sahaja) daripada AKP.
- ii. Sekiranya Pemegang Amanah mengalami Keilatan Kekal Sepenuhnya, Syarikat akan membayar manfaat Takaful seperti berikut :-
  - a) Ansuran caruman bulanan sebagaimana berlakunya kematian kepada Pemegang Amanah seperti dalam 2 (ii) (a) di atas; dan
  - b) Manfaat Takaful sebanyak B\$1,000.00 (Ringgit: Satu Ribu sahaja) daripada AKP. Manfaat ini dibayar kepada Pemegang Amanah.

#### TAKRIF KEILATAN KEKAL SEPENUHNYA

“Keilatan Kekal Sepenuhnya” seperti mana yang digunakan di dalam Sijil ini, bererti keilatan, sama ada disebabkan oleh kecederaan pada tubuh badan atau penyakit, yang menghalang Peserta daripada melibatkan diri dalam sebarang perniagaan atau pekerjaan atau melakukan sebarang kerja, bagi mendapatkan upah atau keuntungan, tertakluk bawasannya, untuk menentukan sama ada keilatan tersebut menjadi kekal, ianya mestilah berterusan tanpa gangguan untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan.

Kehilangan keseluruhan kedua belah tangan, atau kedua kaki, atau salah satu daripada tangan dan kaki, atau kedua belah mata boleh dianggap sebagai Keilatan Kekal Sepenuhnya. Kehilangan hendaklah bermaksud yang berkaitan dengan tangan dan kaki, perceraian fizikal pada pergelangan tangan dan kaki atau yang lebih atas daripadanya; yang berkaitan dengan mata, kehilangan keseluruhan penglihatan.

Perkataan “Keilatan” pada bila-bila masa tercatat selepas ini, bermaksud Keilatan Kekal Sepenuhnya seperti yang ditakrifkan dan dikhususkan di atas.

#### KEILATAN YANG BERTERUSAN

Ansuran manfaat hanya akan dibayar semasa tempoh keilatan yang berterusan.

Syarikat adalah berhak meminta bukti keilatan yang berterusan, pada bila-bila masa seberapa kerap yang mungkin diperlukan. Sekiranya Pemegang Amanah gagal menyediakan bukti tersebut, atau sekiranya Pemegang Amanah tidak lagi mengalami Keilatan Kekal Sepenuhnya, Syarikat mempunyai hak untuk memberhentikan bayaran manfaat Takaful yang seterusnya.

#### KEKECUALIAN

Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah Sijil ini bagi Keilatan Kekal Sepenuhnya yang berlaku sama ada secara langsung atau tidak daripada sebab-sebab yang berikut :-

- a. Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi yang berupa peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak), perang saudara, pemberontakan rusuhan awam, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa, pemerintahan undang-undang tentera atau apa-apa tindakan oleh Pemegang Amanah dan/atau Peserta bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang bergiat bagi menggulingkan kerajaan secara kekerasan atau mempengaruhinya dengan secara paksaan atau keganasan.
- b. Percubaan bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan sama ada semasa siuman ataupun tidak;
- c. Sebarang pelanggaran undang-undang oleh Pemegang Amanah dan/atau Peserta atau serangan yang diprovokasikannya;
- d. Penyalahgunaan dadah atau minuman keras;
- e. Penerbangan, gelungsur angin atau apa-apa jenis penerbangan udara selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang biasa daripada syarikat penerbangan atau perkhidmatan sewaan yang diiktiraf;
- f. Penyertaan atau latihan dalam jenis sukan atau pertandingan yang merbahaya atau menunggang atau memandu dalam apa jua jenis perlumbaan atau pertandingan yang merbahaya dan memudharatkan;
- g. Penglibatan di dalam mana-mana kegiatan dalam air yang menggunakan alat-alat pernafasan;
- h. Kecederaan yang disebabkan oleh proses pembelahan nuclear, proses penyatuan nuklear, bahan senjata nuklear atau pencemaran radioaktif;
- i. Perkhidmatan dalam tentera darat, laut dan udara dalam masa peperangan sama ada yang diisytiharkan atau tidak atau dalam operasi -

berupa ketenteraan atau memulihkan ketenteraman awam;

- j. Sindrom Kurang Daya Tahanan Penyakit (AIDS), kerumitan yang disebabkan oleh **AIDS** atau jangkitan **HIV**; dan
- k. Lain-lain sebab yang dilarang oleh Syariah.

#### 4. KEMATIAN DAN KEILATAN KEKAL AKIBAT KEMALANGAN

##### BAYARAN MANFAAT TAKAFUL

Sekiranya Peserta mengalami kecederaan seperti yang kemudian daripada ini ditakrifkan, Syarikat akan setelah penerimaan dan kelulusan bukti-bukti, membayar dari ATKB sejumlah wang bagi kecederaan yang berikut dengan syarat kecederaan tersebut berlaku dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh berlakunya kemalangan.

Amaun manfaat adalah dinyatakan sebagai peratus dari Jumlah Amaun Yang Diperlindungi sepertimana yang tercatat di dalam jadual.

##### TAKRIF KECEDEeraan

Kecederaan bererti kecederaan tubuh badan yang disebabkan secara langsung oleh kemalangan yang tidak disengajakan dan bebas daripada lain-lain sebab yang mana, kecuali bagi kejadian lemas atau kecederaan dalaman yang dimaklumkan oleh bedah siasat, terdapat bukti yang dapat dilihat sama ada lebam atau luka pada anggota luar (kemudian daripada ini dipanggil "**kecederaan**").

### JADUAL MANFAAT

Kecederaan Yang Dialami	Peratusan Pampasan
1. Kematian	100%
2. Hilang Penglihatan	
a) kedua-dua belah mata	100%
b) sebelah mata	50%
3. Hilang Pendengaran	
a) kedua-dua belah telinga	50%
b) sebelah telinga	100%
4. Hilang kuasa pertuturan	50%
5. Hilang tangan	
a) dari paras bahu	50%
b) di bawah pergelangan tangan	50%
6. Hilang kaki	
a) dari pangkal paha	50%
b) bawah paras lutut	50%
7. Hilang	
a) empat batang jari dan ibu jari sebelah tangan	50%
b) empat batang jari pada sebelah tangan	40%
c) Ibu jari	
- kedua-dua ruas	25%
- satu ruas	10%
d) Jari telunjuk	
- ketiga-tiga ruas	10%
- kedua-dua ruas	8%
- satu ruas	4%
e) Jari tengah	
- ketiga-tiga ruas	6%
- kedua-dua ruas	4%
- satu ruas	2%

f) Jari manis	
- ketiga-tiga ruas	5%
- kedua-dua ruas	4%
- satu ruas	2%
g) Jari kelingking	4%
- ketiga-tiga ruas	3%
- kedua-dua ruas	2%
- satu ruas	
h) Tulang tapak tangan	
- pertama atau kedua (tambahan)	3%
- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
i) Jari kaki	
- kesemua jari sebelah kaki	15%
- kedua-dua ruas ibu jari kaki	5%
- satu ruas dari satu ibu jari	2%
- selain dari ibu jari, sekiranya lebih dari sebatang, tiap-tiap satu	1%

Hilang Upaya sepenuhnya daripada apa-apa kegunaan tubuh badan adalah dianggap sebagai kehilangan bahagian tubuh badan itu.

Mana-mana Keilatan Kekal separa yang tidak dimasukkan dalam senarai di atas, selain daripada kehilangan deria rasa ataupun bau, Syarikat akan menilai peratusan daripada keilatan di mana pada pandangan Syarikat adalah selaras dengan syarat-syarat di atas tanpa mengira pekerjaan Peserta.

Jumlah keseluruhan bagi semua peratusan yang kena dibayar bagi sebarang kemalangan dan mana-mana tempoh Takaful hendaklah tidak melebihi 100% daripada jumlah Amaun Yang Diperlindungi.

## KEKECUALIAN

Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah sijil ini bagi kematian atau keilatan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung yang timbul atau berpunca dari sebab-sebab berikut:-

- Kecederaan diri yang disengajakan, bunuh diri, percubaan bunuh diri (sama ada feloni atau tidak), serangan yang diprovokasikan, toksid, dadah, tidak siaman atau gila, penyakit kelamin atau sebarang kecacatan atau kelemahan fizikal, melahirkan bayi atau keguguran, mengandung;
- Anthrak, peracunan darah, erysipelas, keracunan ptomaine, piemia, septisemia dan/ atau tetanus;
- Peperangan, pelanggaran, tindakan musuh luar, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak), peperangan saudara, dahagi, revolusi, hasutan, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa, pemerintahan undang-undang tentera, pemogokan, rusuhan atau kegemparan awam, atau apa-apa tindakan oleh Pemegang Amanah dan/ atau Peserta bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang bergiat ke arah penggulingan secara kekerasan mana-mana kerajaan atau mempengaruhinya dengan menggunakan keganasan atau kekerasan;
- Peralatan senjata nuklear, sinaran mengion, jangkitan radioaktif atau dari mana-mana bahan api nuklear atau dari mana-mana bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear.

Bagi maksud kekecualian ini pembakaran hendaklah termasuk apa-apa penahanan sendirian proses pembelahan nuklear;

- Sindrom Kurang Daya Tahan penyakit (AIDS) atau keadaan yang berkaitan dengannya;
- Lain-lain sebab yang dilarang oleh Syariah.

## PERJANJIAN MANFAAT TAMBAHAN KEMATIAN PEMEGANG AMANAH SAHAJA DAN KEILATAN KEKAL AKIBAT KEMALANGAN

**SYARIKAT ADALAH DENGAN INI MELINDUNGI** orang yang namanya dicatat sebagai Pemegang Amanah di dalam Jadual pada Sijil Takaful Siswa (kemudian daripada ini dipanggil Sijil Asas) di mana Perjanjian Tambahan ini disertakan, tertakluk kepada semua syarat-syarat yang kemudiannya terdapat di dalam Perjanjian Tambahan ini.

**PERJANJIAN TAMBAHAN INI** dikeluarkan berkaitan dengan, tetapi tidak menjadi sebahagian daripada Sijil Asas, dan hanya dianggap sah jika Nombor Borang Perjanjian Manfaat Tambahan di atas dinyatakan di dalam Jadual pada Sijil Asas. Ianya dikeluarkan atas pertimbangan pembayaran Sumbangan Takaful yang dikenakan dalam Perjanjian Tambahan ini.

**JIKA, SEMASA PERJANJIAN TAMBAHAN INI BERKUATKUASA,** ditakdirkan Pemegang Amanah mengalami kecederaan yang kemudian daripada ini ditakrifkan Syarikat akan, atas penerimaan dan kelulusan bukti, membayar sejumlah wang bagi kecederaan berikut dengan syarat kecederaan tersebut berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh berlakunya kemalangan. Amaun manfaat adalah dinyatakan sebagai peratus dari Jumlah Amaun Yang Diperlindungan sepertimana yang tercatat di dalam Jadual.

### TAKRIF KECEDERAAN

'**Kecederaan**' bererti kecederaan tubuh badan yang disebabkan secara langsung oleh kemalangan yang tidak disengajakan dan bebas daripada lain-lain sebab yang mana, kecuali bagi kejadian lemas atau kecederaan dalaman yang dimaklumkan oleh bedah siasat, terdapat bukti yang dapat dilihat sama ada lebam atau luka pada anggota luar (kemudian daripada ini dipanggil '**kecederaan**').

### JADUAL MANFAAT

Kecederaan Yang Dialami	Peratusan Pampasan
1. Kematian	100%
2. Hilang Penglihatan	
a) kedua-dua belah mata	100%
b) sebelah mata	50%
3. Hilang Pendengaran	
a) kedua-dua belah telinga	50%
b) sebelah telinga	10%
4. Hilang kuasa pertuturan	50%
5. Hilang tangan	
a) dari paras bahu	50%
b) di bawah pergelangan tangan	50%
6. Hilang kaki	
a) dari pangkal paha	50%
b) bawah paras lutut	50%
7. Hilang	
a) empat batang jari dan ibu jari sebelah tangan	50%
b) empat batang jari pada sebelah tangan	40%
c) Ibu jari	10%
- kedua-dua ruas	10%
- satu ruas	
d) Jari telunjuk	
- ketiga-tiga ruas	10%
- kedua-dua ruas	8%
- satu ruas	4%
e) Jari tengah	
- ketiga-tiga ruas	6%
- kedua-dua ruas	4%
- satu ruas	2%

f) Jari manis	
- ketiga-tiga ruas	5%
- kedua-dua ruas	4%
- satu ruas	2%
g) Jari kelingking	
- ketiga-tiga ruas	4%
- kedua-dua ruas	3%
- satu ruas	2%
h) Tulang tapak tangan	
- pertama atau kedua (tambahan)	3%
- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
i) Jari kaki	
- kesemua jari sebelah kaki	15%
- kedua-dua ruas ibu jari kaki	5%
- satu ruas dari satu ibu jari	2%
- selain dari ibu jari, sekiranya lebih dari sebatang, tiap-tiap satu	1%

Hilang Upaya Sepenuhnya daripada apa-apa kegunaan tubuh badan adalah dianggap sebagai kehilangan bahagian tubuh badan itu.

Mana-mana Keilatan Kekal separa yang tidak dimasukkan dalam senarai di atas, selain daripada kehilangan deria rasa ataupun bau, Syarikat akan menilai peratusan daripada Keilatan di mana pada pandangan Syarikat adalah selaras dengan syarat-syarat di atas tanpa mengira pekerjaan Pemegang Amanah.

Jumlah keseluruhan bagi semua peratusan yang kena dibayar bagi sebarang kemalangan dan mana-mana Tempoh Takaful hendaklah tidak melebihi 100% daripada Jumlah Amaun Yang Diperlindungi.

## KEKECUALIAN

- Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah Perjanjian Tambahan bagi kematian atau keilatan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung yang timbul atau berpunca dari sebab-sebab berikut :-
  - Kecederaan diri yang disengajakan, bunuh diri, percubaan bunuh diri (sama ada feloni atau tidak), serangan yang diprovokasikan, toksid, dadah, tidak siaman atau gila, penyakit kelamin, atau sebarang kecacatan atau kelemahan fizikal, melahirkan bayi atau keguguran, mengandung;
  - Pemegang Amanah melibatkan diri atau mengambil bahagian di dalam sukan musim sejuk, bola sepak professional, polo, perlumbaan kuda berhalangan, memburu, mendaki gunung, sebarang jenis perlumbaan kecuai yang berjalan kaki, penggunaan mesin pertukangan kayu atau gergaji bulat, menyelam aqualung, menyelam scuba, tinju, hoki ais, perlumbaan kenderaan, terjun menggunakan payung terjun, kembang dalam gua, motobot 'show jumping', gelungsur angin, gusti termasuk judo, karate dan pertarungan tanpa senjata dan berperahu layar di luar kawasan perairan;
  - Pemegang Amanah berada di dalam, atau apabila memasuki, atau memasuki ke dalam atau menuruni dari atau keluar atau terjatuh dari apa-apa jenis kapal terbang selain daripada kapal terbang jenis biasa berlesen penuh yang dikendalikan oleh sebuah pertubuhan pengangkutan udara yang menyediakan perkhidmatan udara secara tetap di antara lapangan terbang-lapangan terbang yang sudah tertubuh sewajarnya dalam mana dia berada sebagai pemandu kapal terbang, kakitangan penerbangan atau seseorang penumpang yang membayar tiket;
  - Anthrak, keracunan darah, erysipelas, keracunan ptomaine, piemia, septisemia dan/atau tetanus;
  - Peperangan, pelanggaran, tindakan musuh luar, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) peperangan saudara, dahagi, revolusi, hasutan, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa, pemerintahan undang-undang tentera, pemogokan, rusuhan atau kegemparan awam, dan jika mana-mana tuntutan dibuat di bawah ini, maka Pemegang Amanah apabila dikehendaki oleh Syarikat hendaklah membuktikan bahawa tuntutan itu wujud bebas daripada dan tidak bersangkutan dengan atau disebabkan oleh atau disumbangkan kepada atau dikesan kepada mana-mana daripada kejadian-kejadian tersebut atau mana-mana kesannya dan jika ingkar terhadap pembuktian tersebut, Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran bagi tuntutan tersebut;
  - Perkhidmatan di dalam angkatan tentera atau tentera darat pada masa peperangan diisytiharkan ataupun tidak atau semasa kejadian -

yang berupa peperangan atau rusuhan awam;

g) Sindrom Kurang Daya Tahan penyakit (AIDS) atau keadaan yang berkaitan dengannya;

h) Lain-lain sebab yang dilarang oleh Syariah.

2. Perjanjian Manfaat Tambahan ini tidak melindungi sebarang kemalangan, secara langsung ataupun tidak langsung, disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau timbul dari sinaran mengion, pancaran atau jangkitan oleh radioaktif dari mana-mana bahan buangan nuklear dan pembakaran bahan api nuklear. Bagi maksud kekecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa penahan sendirian proses pembakaran nuklear.
3. Manfaat yang disediakan di dalam Perjanjian Tambahan ini tidak boleh melindungi atau meliputi mana-mana kemalangan dan/atau kecederaan, secara langsung ataupun tidak langsung, disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau berpunca daripada bahan senjata nuklear.
4. Perjanjian Tambahan ini tidak melindungi mana-mana orang yang di bawah umur lapan belas (18) tahun atau melebihi had umur tujuh puluh (70) tahun.

## SYARAT-SYARAT AM

### 1. Perjanjian Tambahan Dan Cadangan yang membentuk Seluruh Perjanjian

Perjanjian Tambahan ini dan cadangannya adalah membentuk keseluruhan perjanjian. Semua kenyataan di dalam cadangan hendaklah tanpa penipuan, dianggap sebagai keterangan dan bukan berbentuk jaminan. Tiada pindaan di dalam Perjanjian Tambahan ini yang dianggap sah kecuali dengan mendapat kelulusan daripada orang yang diberi kuasa oleh Syarikat dan kelulusan tersebut diendoskan kepada perjanjian ini.

### 2. Notis Tuntutan

Notis tuntutan secara bertulis mengenai kecederaan hendaklah diberikan kepada Syarikat dalam tempoh dua puluh (20) hari selepas tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan tersebut. Dalam kemalangan yang menyebabkan kematian, notis tuntutan hendaklah dikemukakan secepat mungkin kepada Syarikat. Notis tersebut yang diserahkan oleh atau bagi pihak Pemegang Amanah atau Wakil, seperti kes yang disebutkan, kepada Syarikat dengan butiran lengkap bagi mengenai Pemegang Amanah hendaklah dianggap sebagai notis kepada Syarikat. Kegagalan mengemukakan notis dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan yang dibuat, jika dapat dibuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk mengemukakan notis tersebut dalam tempoh yang ditetapkan dan notis yang dikemukakan adalah dalam tempoh yang munasabah.

### 3. Bukti Keilatan

Syarikat akan, atas penerimaan notis tersebut menyerahkan kepada si penuntut borang yang perlu diisi bagi membuktikan keilatan. Sekiranya borang tuntutan tidak diserahkan dalam masa lima belas (15) hari, si penuntut dengan menghantar bukti secara bertulis menyatakan tentang kemalangan, kejadian dan setakat mana keilatan bagi tuntutan yang dibuat, hendaklah dianggap telah mematuhi syarat-syarat di bawah penanggungan ini.

### 4. Mengemukakan Bukti Keilatan

Bukti keilatan hendaklah dikemukakan kepada Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas berlakunya keilatan.

### 5. Pemeriksaan Perubatan

Syarikat adalah mempunyai hak untuk memeriksa tubuh badan Pemegang Amanah pada bila-bila masa yang dirasakan perlu dan dalam kes kematian, menyiasat apa-apa kemungkinan yang menyebabkan berlakunya kematian.

### 6. Pembaharuan

Syarikat berhak untuk menaikkan kadar Sumbangan Takaful di bawah Perjanjian Tambahan ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis dalam jangkamasa sembilan puluh (90) hari kepada Pemegang Amanah.

Syarikat juga berhak untuk membatalkan Perjanjian Tambahan ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis dalam jangkamasa tiga puluh (30) hari kepada Pemegang Amanah. Bilamana Perjanjian Tambahan ini dibatalkan, Syarikat akan mengembalikan lebih Sumbangan Takaful yang belum diambil kira. Pembatalan hendaklah dilakukan tanpa prasangka terhadap sebarang tuntutan yang timbul sebelum daripada tarikh pembatalan.

### 7. Penamatan

Perjanjian Tambahan ini secara automatic akan tamat :-

- a) Sekiranya Sumbangan Takaful ke atas Perjanjian Tambahan ini atau ke atas Sijil Asas tidak dibayar pada akhir tempoh yang diperuntukkan; atau
- b) Sekiranya Sijil Asas matang, tamat, atau diberhentikan atau ditamatkan; atau

- c) Selepas kelulusan terhadap mana-mana tuntutan bagi Keilatan Kekal Sepenuhnya ke atas Pemegang Amanah di bawah Sijil Asas; atau
- d) Selepas Pemegang Amanah mencapai umur tujuh puluh (70) tahun; atau
- e) Pada Tarikh Pembayaran Manfaat Takaful dibayar kepada Peserta.

Penamatan keatas Perjanjian Tambahan ini hendaklah dibuat tanpa prasangka terhadap sebarang tuntutan yang timbul sebelum penamatan tersebut. Pembayaran atau penerimaan kepada apa-apa Sumbangan Takaful selepas penamatan Perjanjian Tambahan ini tidak membentuk apa-apa liabiliti tetapi Syarikat akan memulangkan semula Sumbangan Takaful tersebut.

## 8. Kuatkuasa Semula

Sekiranya Perjanjian Tambahan ini tamat disebabkan tiada Sumbangan Takaful, ianya boleh dikuatkuasa semula dengan persetujuan daripada Syarikat. Penguatkuasa semula tersebut hanya melindungi keilatan akibat daripada kemalangan yang berlaku selepas daripadanya.

Perjanjian Tambahan ini hanya berkuatkuasa dari tarikh endosmen pada Sijil Asas kecuali ianya dikeluarkan pada masa pengeluaran Sijil Asas dan dirujuk kepada jadual tersebut.

## PERJANJIAN TAMBAHAN BAGI MANFAAT KHAIRAT KELUARGA

**SYARIKAT ADALAH DENGAN INI** melindungi orang yang namanya dicatit sebagai Pemegang Amanah di dalam Jadual pada Sijil Takaful Siswa (kemudian daripada ini dipanggil Sijil Asas) di mana Perjanjian Tambahan ini disertakan tertakluk kepada semua syarat-syarat yang kemudiannya terdapat di dalam Perjanjian Tambahan ini.

**PERJANJIAN TAMBAHAN INI** dikeluarkan berkaitan dengan, tetapi tidak menjadi sebahagian daripada Sijil Asas dan hanya dianggap sah jika Nombor Borang Perjanjian Tambahan di atas dinyatakan di dalam jadual pada Sijil Asas. Ianya dikeluarkan atas pertimbangan pembayaran Sumbangan Takaful yang dikenakan dalam Perjanjian Tambahan ini.

**JIKA, SEMASA PERJANJIAN TAMBAHAN INI BERKUATKUASA**, Pemegang Amanah dimasukkan ke dalam mana-mana wad hospital seperti yang ditakrifkan kemudian daripada ini, di Malaysia, Singapura, Brunei dan Arab Saudi, atas nasihat seorang Pengamal Perubatan Berdaftar, Syarikat, atas penerimaan dan kelulusan bukti, akan membayar manfaat Wad Hospital sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Asas bagi:-

- 1) Penyakit yang berlaku lebih dari tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Mula Masuk, atau tarikh berkuatkuasa semula Perjanjian Tambahan ini, yang mana terkemudian, bagi jangkamasa di mana Pemegang Amanah dimasukkan ke hospital bagi tempoh minimum 12 jam; atau
- 2) Kecederaan yang menimpa selepas Tarikh Mula Masuk, atau tarikh berkuatkuasa semula Perjanjian Tambahan ini, yang mana terkemudian, bagi jangkamasa di mana Peserta dimasukkan ke hospital bagi tempoh minimum 12 jam; tetapi tidak melebihi 52 minggu bagi setiap tempoh kemasukkan ke hospital.

## TAKRIF

“**Hospital**” bererti mana-mana institusi yang beroperasi secara sah di sisi undang-undang yang menyediakan khidmat perubatan bagi diagnosa, pembedahan besar dan khidmat kejururawatan sepenuh masa dan tidak semestinya merupakan sebuah rumah penjagaan bagi pemulihan atau seumpamanya atau, selain daripada sebuah pusat penempatan bagi penagih alcohol atau penagih dadah.

“**Kecederaan**” bererti kecederaan tubuh badan yang disebabkan secara langsung oleh kemalangan yang tidak disengajakan dan bebas daripada lain-lain sebab, yang mana, kecuali bagi kejadian lemas atau kecederaan dalaman yang dimaklumkan oleh bedah siasat, terdapat bukti yang dapat dilihat sama ada lebam atau luka pada anggota luar (kemudian daripada ini dipanggil kecederaan).

Dalam apa-apa juga keadaan sekalipun, Syarikat tidak membayar lebih daripada satu manfaat hospital bagi setiap hari kemasukan ke wad hospital.

## KEKECUALIAN

1. Perjanjian Tambahan ini tidak akan melindungi bagi kemasukan ke dalam wad yang berlaku sama ada secara langsung atau tidak daripada sebab-sebab yang berikut:-
  - a) Apa-apa penyakit atau kecederaan akibat secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagian, daripada (i) percubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja sama ada semasa siuman ataupun tidak; atau (ii) peperangan sama ada yang diisytiharkan atau tidak, mogok, rusuhan, peperangan saudara, revolusi atau apa-apa operasi berupa peperangan; atau (iii) berkhidmat dalam angkatan tentera dalam masa peperangan yang diisytiharkan ataupun tidak semasa di bawah perintah dalam operasi berupa peperangan atau pemulihan ketenteraman awam; atau (iv) sebarang perbuatan atau percubaan kearah yang melanggar undang-undang atau penentangan terhadap -

penangkapan.

- b) (i) Kejadian berpunca dari mengandung, keguguran, melahirkan bayi (kecuali akibat dari kemalangan); atau (ii) masalah mental atau saraf, penyalahgunaan alkohol atau dadah; atau (iii) pembedahan kosmetik atau plastik atau sebarang pembedahan elektif atau keganjilan konjanital; atau (iv) pemeriksaan atau pembedahan gigi kecuali yang diperlukan akibat kecederaan bersabit daripada kemalangan; atau (v) pemeriksaan kesihatan biasa, pemulihan, atau penjagaan rehat.
  - c) Khidmat perubatan atau pembedahan untuk tonsil, adenoid, hernia atau penyakit parasit yang menyerang bahagian organ-organ kaum wanita sehingga Pemegang Amanah dilindungi secara berterusan di bawah Perjanjian Tambahan ini bagi tempoh 120 hari sebaik sahaja selepas rawatan atau pembedahan tersebut.
  - d) Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau yang seumpamanya.
  - e) Apa-apa sebab yang lain yang dilarang oleh Syariah.
2. Perjanjian Tambahan ini tidak melindungi mana-mana orang perseorangan di bawah umur 18 tahun dan melebihi had umur 70 tahun.

## SYARAT-SYARAT AM

### 1. Perjanjian Tambahan Dan Cadangan yang membentuk Seluruh Perjanjian

Perjanjian Tambahan ini dan cadangannya adalah membentuk keseluruhan perjanjian. Semua kenyataan di dalam Cadangan hendaklah, tanpa penipuan, dianggap sebagai keterangan dan bukan berbentuk jaminan. Tiada pindaan di dalam Perjanjian Tambahan ini yang dianggap sah kecuali dengan mendapat kelulusan daripada orang yang diberikuasa oleh Syarikat dan kelulusan tersebut diendoskan kepada perjanjian ini.

### 2. Notis Tuntutan

Notis tuntutan secara bertulis hendaklah dihantar dalam tempoh sepuluh (10) hari selepas tarikh kemasukan ke wad hospital. Kegagalan mengemukakan notis dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan yang dibuat, jika dapat dibuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk mengemukakan notis tersebut dalam tempoh yang ditetapkan dan notis yang dikemukakan adalah dalam tempoh yang munasabah.

### 3. Bukti Kemasukan Ke Wad hospital

Pembuktian yang jelas kemasukan ke wad hospital mengikut yang dikehendaki oleh Syarikat hendaklah diserahkan kepada Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas meninggalkan hospital atas perbelanjaan Pemegang Amanah sendiri.

### 4. Pemeriksaan Perubatan

Syarikat mempunyai hak untuk memeriksa Pemegang Amanah pada bila-bila masa dirasakan perlu.

### 5. Pembaharuan dan Pembatalan

Syarikat berhak untuk menaikkan kadar Sumbangan Takaful di bawah Perjanjian Tambahan ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis dalam jangkamasa sembilan puluh (90) hari kepada Pemegang Amanah.

Syarikat juga berhak untuk membatalkan Perjanjian Tambahan ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis dalam jangkamasa tiga puluh (30) hari kepada Pemegang Amanah. Bilamana Perjanjian Tambahan ini dibatalkan, Syarikat akan mengembalikan lebih Sumbangan Takaful yang belum diambil kira. Pembatalan hendaklah dilakukan tanpa prasangka terhadap sebarang tuntutan yang timbul sebelum daripada tarikh pembatalan.

### 6. Penamatan

Perjanjian Tambahan ini secara automatik akan tamat :-

- a) Sekiranya Sumbangan Takaful ke atas Perjanjian Tambahan ini dan Sijil Asas tidak dibayar pada akhir tempoh yang diperuntukkan; atau
- b) Sekiranya Sijil Asas matang, tamat, atau diberhentikan atau ditamatkan; atau
- c) Selepas kematian Pemegang Amanah; atau
- d) Selepas kelulusan terhadap mana-mana tuntutan bagi Keilatan Kekal Sepenuhnya ke atas Pemegang Amanah di bawah Sijil Asas; atau
- e) Selepas mencapai umur tujuh puluh (70) tahun; atau
- f) Pada Tarikh Pembayaran Manfaat Siswa dibayar kepada Peserta seperti yang ditunjukkan dalam Jadual.

Penamatan ke atas Perjanjian Tambahan ini hendaklah dibuat tanpa prasangka terhadap sebarang tuntutan yang timbul sebelum penamatan tersebut. Pembayaran atau penerimaan kepada apa-apa Sumbangan Takaful selepas penamatan Perjanjian Tambahan ini tidak membentuk apa-apa liabiliti tetapi Syarikat akan memulangkan semula Sumbangan Takaful tersebut.

#### **7. Kuatkuasa Semula**

Sekiranya Perjanjian Tambahan ini tamat disebabkan tiada Sumbangan Takaful, ianya boleh dikuatkuasakan semula dengan persetujuan daripada Syarikat. Penguatkuasaan semula tersebut hanya melindungi kemasukan ke wad hospital yang berlaku selepas daripadanya.

#### **8. Penyerahan Hak**

Tiada jurukuasa di bawah Sijil Asas mempunyai hak untuk menerima apa-apa manfaat yang dibayar di bawah Perjanjian Tambahan.

Perjanjian Tambahan ini hanya berkuatkuasa dari tarikh bermulanya endosmen pada Sijil Asas kecuali ianya dikeluarkan pada masa pengeluaran Sijil Asas dan dirujuk kepada Jadual tersebut.

## **PERJANJIAN TAMBAHAN BAGI MANFAAT KHAIRAT KELUARGA**

**BAHAWASANYA DENGAN INI SYARIKAT MELINDUNGI** Orang/Orang-Orang Di Bawah Tanggungan Pemegang Amanah sebagaimana yang ditakrifkan kemudian daripada ini, yang namanya dicatit dalam Jadual pada Sijil Takaful Siswa (kemudian daripada ini dipanggil Jadual Asas) tertakluk kepada semua syarat-syarat yang kemudiannya terdapat di dalam Perjanjian Tambahan ini.

**PERJANJIAN TAMBAHAN INI** dikeluarkan bersama-sama dengan tetapi tidak sebagai sebahagian daripada Jadual Asas dan sah hanya jika Perjanjian Tambahan di atas ada dicatit pada Jadual Sijil Asas. Ia dikeluarkan atas pertimbangan pembayaran Sumbangan Takaful tambahan yang dikenakan dalam Perjanjian Tambahan ini.

**JIKA, SEMASA PERJANJIAN TAMBAHAN INI BERKUATKUASA,** Orang/Orang-Orang Di Bawah Tanggungan Pemegang Amanah meninggal dunia, Syarikat akan, dengan penerimaan dan kesahihan bukti-bukti, membayar kepada Pemegang Amanah yang sah, amaun manfaat bagi Perjanjian Tambahan ini seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

## **TAKRIF ORANG-ORANG DI BAWAH TANGGUNGAN**

Orang/Orang-Orang Di Bawah Tanggungan ditakrifkan seperti berikut :-

1. Suami/Isteri Pemegang Amanah yang sah di sisi undang-undang dan yang berumur di bawah enam puluh lima (65) tahun. Hanya seorang suami/isteri sahaja yang dibenarkan untuk dilindungi di bawah Perjanjian Tambahan ini. Suami/Isteri yang berlainan yang sah di sisi undang-undang akan dilindungi di bawah perjanjian yang berasingan.
2. Anak-anak Pemegang Amanah yang belum berkahwin yang berumur lebih daripada empat belas (14) hari tetapi belum mencapai harijadi yang ke sembilan belas (19) dan bagi anak-anak yang masih belajar sepenuh masa, had umur adalah sehingga dua puluh lima (25) tahun. Kesemua anak-anak yang dalam lingkungan umur di atas kecuali Peserta yang namanya tercatit dalam Sijil Asas akan dilindungi secara automatik di bawah Perjanjian Tambahan ini. Anak-anak daripada suami/isteri yang berlainan yang sah di sisi undang-undang atau anak angkat akan dilindungi secara berasingan di bawah perjanjian yang lain.

**TIADA MANFAAT YANG AKAN DIBAYAR** di bawah Perjanjian Tambahan ini bagi kematian yang disebabkan oleh sebarang penyakit atau kecederaan yang telah sedia ada pada tarikh permohonan ini dibuat melainkan selepas 12 bulan perlindungan ini berkuatkuasa seperti yang ditunjukkan pada jadual.

Syarikat adalah berhak untuk membatalkan Perjanjian Tambahan ini pada bila-bila masa dengan memberi notis tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada Pemegang Amanah. Apabila Perjanjian Tambahan ini ditamatkan, Syarikat akan memulangkan apa-apa bahagian Sumbangan Takaful yang telah dibayar tetapi belum diambil kira. Pembatalan adalah tanpa prasangka kepada apa-apa tuntutan yang timbul sebelum tarikh pembatalan.

## **PENAMATAN**

Perjanjian Tambahan ini secara automatik akan tamat:-

- a) Sekiranya Sumbangan Takaful untuk Perjanjian Tambahan ini atau Sijil Asas masih tidak dijelaskan sehingga akhir tempoh bayaran;
- b) Sekiranya Sijil Asas matang, tamat atau diberhentikan atau ditamatkan;
- c) Selepas kematian Pemegang Amanah;

- d) Selepas kelulusan terhadap mana-mana tuntutan bagi Keilatan Kekal Sepenuhnya ke atas Pemegang Amanah di bawah Sijil Asas;
- e) Pada tarikh Orang/Orang-Orang Di bawah Tanggungan itu tidak layak menjadi Orang/Orang-Orang Di bawah Tanggungan itu tidak layak menjadi Orang/Orang-Orang di bawah Tanggungan seperti yang ditakrifkan dalam Perjanjian Tambahan ini; yang mana terdahulu.
- f) Pada Tarikh Pembayaran Manfaat Siswa dibayar kepada Peserta seperti yang ditunjukkan dalam Jadual.

Penamatan Perjanjian Tambahan ini hendaklah tanpa prasangka terhadap apa-apa tuntutan yang timbul sebelum penamatan tersebut. Bayaran atau penerimaan apa-apa Sumbangan Takaful selepas daripada penamatan Perjanjian Tambahan ini tidak akan menimbulkan apa-apa tanggungan sebaliknya Syarikat akan mengembalikan apa-apa Sumbangan Takaful berkenaan.

Perjanjian Tambahan ini hanya berkuatkuasa mulai tarikh endosmen ini dibuat kepada Sijil Asas kecuali jika ia dikeluarkan pada masa Sijil Asas dikeluarkan dan dirujuk kepada Jadual yang berkenaan.